

93 keracunan makanan asrama

Metro 5/9/13 MS40

■ Sakit perut, muntah, pening ketika berada dalam kelas

Oleh Hafizudin Mohd Safar
am@mediaprima.com.my
Kangar

Seramai 93 pelajar Kolej Vokasional Arau (KVA), dekat sini, dipercayai mengalami keracunan makanan selepas menikmati makanan di dewan makan asrama berkenaan, tengah hari kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang, pelajar terbabit mengadu sakit perut, muntah dan pening semasa berada di dalam kelas.

Difahamkan, semua pelajar membabitkan 80 lelaki dan 13 perempuan dikejarkan ke Klinik Kesihatan Kangar serta Unit Kecemasan Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Seorang pelajar kursus kimpalan, Mohd Shazwan Alif Mohd Yusof, 16, berkata,

dia yang makan nasi berlauk ayam goreng rempah dan kuah dalca kacang panjang pada waktu rehat tengah hari mula berasa sakit perut dan muntah kira-kira jam 3 petang ketika berada dalam kelas.

“Saya rasa sakit perut memulas dan kerap membuang air besar selepas menikmati makanan di kantin asrama ini. Selain itu saya rasa pening dan muntah berkali-kali sebelum pihak kolej membawa kami ke klinik untuk mendapatkan rawatan lanjut.

“Sebelum ini, saya tidak pernah mengalami sakit perut dan pening kepala selepas makan di kantin asrama ini tetapi semalam (kelmarin) saya sakit



FAKTA
80 lelaki, 13 perempuan dikejarkan ke Klinik Kesihatan Kangar dan HTF

SEBAHAGIAN pelajar KVA mendapat rawatan pesakit luar di Klinik Kesihatan Kangar.

perut sangat,” katanya yang ditemui di HTF, di sini, semalam.

Seorang lagi mangsa keracunan, Nor Amirah Che Hassan, 16, yang mengambil kursus Kesetiausahaan Penadbiran KVA berkata, dia

hanya makan di dewan makan asrama pada jam 6.30 petang dengan menu nasi putih, ikan kembung goreng, sosej bersambal serta sup sayur.

Katanya, dia tidak mengesyaki apa-apa walaupun adakan rakannya yang dike-

jarkan ke HTF jam 7 malam sebelum solat Maghrib, namun perutnya mula terasa sakit dan mula muntah kira-kira jam 9 malam.

“Pada mulanya saya tidak berasa sakit perut, namun awal pagi tadi (semalam) saya mengalami cirit-birit dan

muntah dengan banyak.

“Saya kemudian bergegas ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan lanjut,” katanya ketika ditemui.

Tinjauan Harian Metro mendapati Pengarah Pelajaran Perlis Dun Kasa dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar, Hal Ehwal Komunikasi Korporat dan Aduan Awam, Tadbir Urus Kerajaan dan Tugas-Tugas Khas Datuk Mat Rawi Kassim menziarahi mangsa kira-kira jam 10 malam kelmarin.

Difahamkan, semua pelajar yang terbabit sudah dibenarkan pulang ke asrama masing-masing selepas dilaporkan sihat selepas menerima rawatan.

Sementara itu, Dun yang ditemui masih belum dapat mengeluarkan sebarang kenyataan memandangkan perkara itu sedang dalam siasatan.

“Kita masih memantau keadaan pelajar di asrama KVA yang dihuni 300 pelajar lelaki dan perempuan,” katanya.